



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

PANDUAN MENGISI DOKUMEN PERJANJIAN PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

PENTING :

SILA BACA SEMUA ARAHAN DAN PANDUAN DENGAN TELITI SEBELUM MENGISI BORANG PERJANJIAN. KEGAGALAN PELAJAR MENYEMPURNAKAN PERJANJIAN ATAU SEBARANG KESILAPAN BOLEH MENYEBABKAN KELEWATAN PEMBAYARAN.

- 1 Teliti dan fahami contoh perjanjian Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang sebelum membuat pengesahan setuju terima tawaran Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang.
- 2 Kenalpasti Penjamin sebelum mengisi ruangan penjamin di eppn.penang.gov.my. **(Sila rujuk m/s 3 No.11 untuk syarat-syarat penjamin).**
- 3 Pastikan perkara-perkara seperti di senarai semak disediakan sebelum mula mengisi dokumen Perjanjian Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang.
- 4 Pastikan tuan/puan mencetak **3 set dokumen** Perjanjian Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang melalui sistem eppn.penang.gov.my.
- 5 Rujuk contoh perjanjian Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang semasa mengisi dokumen tersebut.
- 6 Pastikan semua maklumat tuan/puan di dokumen perjanjian adalah tepat.
- 7 Gunakan pen/ball pen **BEDAKWAT HITAM** sahaja.
- 8 Setiap salinan perjanjian hendaklah di *stamping* dengan setem hasil bernilai **RM10.00** di mana-mana pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di Malaysia atau melalui atas talian di stamps.hasil.gov.my/stamps/.

9 Pastikan perjanjian di cetak di atas kertas A4 berwarna putih dengan ketebalan 80gsm.

10 Cara-cara mengisi dokumen perjanjian :

MUKA SURAT	KETERANGAN
1	“ <i>PERJANJIAN INI dibuat pada.....haribulan.....20.....</i> ” Sila isikan Tarikh Setem Hasil Dicap/Dimatikan.
1-2 & 4-12	Perlu tandatangan di bawah setiap muka surat oleh Penuntut dan Penjamin.
3 dan 16	Pastikan saksi adalah sama bagi PENUNTUT dan PENJAMIN
3	Perlu tandatangan diruangan PENUNTUT dan SAKSI PENUNTUT. KOSONGKAN bagi pihak Lembaga dan Saksi Lembaga.
15	Jadual I : MAKLUMAT PEMINJAM & PINJAMAN Lekatkan gambar peminjam yang berukuran pasport.
16	Jadual II : MAKLUMAT PENJAMIN Lekatkan gambar penjamin yang berukuran pasport dan PENJAMIN perlu tandatangan bersama dengan seorang saksi.
17	Akuan Penjamin Perlu tandatangan PENJAMIN

11 Syarat-syarat PENJAMIN :

- i) Warganegara Malaysia.
- ii) Berumur antara 21 hingga 55 tahun sahaja.
- iii) Pendapatan Kasar Bulanan Penjamin RM2,000.00 ke atas.
Salinan Penyata Gaji terakhir perlu disertakan. Bagi yang bekerja sendiri, sila sertakan **SURAT AKUAN SUMPAH PENDAPATAN** dari Pesuruhjaya Sumpah.
- iv) Bukan peminjam Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang yang belum menyelesaikan pinjaman.
- v) Tidak diisytiharkan muflis oleh mahkamah. Rujuk di <https://e-insolvensi.mdi.gov.my/>

* **Salinan kad pengenalan penjamin perlu disertakan. Pihak Lembaga Biasiswa/Pinjaman Negeri berhak menolak penjamin jika penjamin yang dipilih adalah tidak layak.**

12 Syarat-syarat SAKSI :

Penuntut dan penjamin hendaklah menandatangani perjanjian dengan disaksikan oleh seorang Warganegara Malaysia yang berumur lebih daripada 21 tahun serta terdiri daripada kumpulan seperti di bawah :-

- i) Doktor atau peguam;
- ii) Pegawai Daerah atau Penghulu Kerajaan;
- iii) Pengetua atau Guru Besar sekolah bantuan penuh kerajaan;
- iv) Pensyarah/Profesor atau Pendaftar IPTA;
- v) Jaksa Pendamai atau Ahli Parlimen;
- vi) Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- vii) Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan & Profesional).

* Semua jawatan di syarikat *Government Linked Company (GLC)*, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK), Penghulu Kampung dan Pegawai Kerajaan bukan kumpulan A selain di atas adalah **TIDAK LAYAK** menjadi saksi. Penjamin dan penuntut yang berkenaan juga tidak boleh menandatangani borang-borang perjanjian itu sebagai saksi.

13 ALAMAT POS

Borang perjanjian yang telah lengkap diisi dalam **tiga (3) salinan** (telah di *stamping* dengan setem hasil setiap satu) hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan dokumen seperti di senarai semak ke alamat seperti di bawah dalam tempoh **14 hari daripada tarikh setuju terima tawaran:-**

**Unit Pinjaman Penuntut, Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Paras 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG.**

11 PERTANYAAN

Sebarang kemusykilan boleh menghubungi pentadbiran ini di talian :-
04-6505391/5165/5627

Dikeluarkan oleh:-

Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Dimatikan dengan setem
hasil bernilai RM10.00
di mana-mana
Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri
(LHDN) di Malaysia**



PERJANJIAN PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Diantara

**NORLIA BINTI SALLEH
970122-07-5524**

Dan

**LEMBAGA TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT
NEGERI PULAU PINANG**

Dan

(Penjamin)

**AHMAD BIN MANAN
700314-07-5323**

**LEMBAGA TABUNG AMANAH
PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG**

Isikan tarikh
setem dimatikan

PERJANJIAN PINJAMAN PENUNTUT

1. PERJANJIAN INI dibuat pada haribulan 20.....
ANTARA **Lembaga Tabung Amanah Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang** satu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah *The Settlement of Penang Scholarship Fund Enactment*, 1950 yang beralamat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 29, Menara KOMTAR, 10503 Pulau Pinang (kemudian daripada ini disebut "LEMBAGA") sebagai pihak pertama;

DENGAN penuntut seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian I Jadual Pinjaman** yang beralamat seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian II Jadual Pinjaman** (kemudian daripada ini disebut "PENUNTUT") sebagai pihak kedua;

DAN penjamin seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian III Jadual Pinjaman** yang beralamat seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian IV Jadual Pinjaman** (kemudian daripada ini disebut "PENJAMIN") sebagai pihak ketiga.

2. Sebagai balasan bagi perkara-perkara yang tersebut di dalam **Lampiran Perjanjian Pinjaman Penuntut**, LEMBAGA dengan ini bersetuju untuk meminjamkan kepada PENUNTUT wang berjumlah seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian V Jadual Pinjaman** (kemudian daripada ini disebut "Pinjaman Tersebut") yang akan dibayar secara berperingkat seperti yang dinyatakan dalam **Fasal 2 Lampiran Perjanjian** ini untuk sepanjang tempoh pembayaran pinjaman yang telah diluluskan oleh LEMBAGA. Pinjaman Tersebut akan dibayar oleh LEMBAGA terus kepada akaun bank PENUNTUT atau kepada BENDAHARI PUSAT PENGAJIAN PENUNTUT, yang disahkan oleh PENUNTUT bernombor seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian VI Jadual Pinjaman** atau lain-lain cara yang diputuskan lebih sesuai oleh LEMBAGA dari semasa ke semasa. DAN PENUNTUT dengan ini bersetuju akan membayar balik pinjaman dan lain-lain kos mengikut ketetapan bayaran balik dalam **Bahagian VII Jadual Pinjaman** dan **Fasal 1(a)** atau lain-lain ketetapan yang diputuskan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

3. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa **Surat Tawaran Pinjaman Penuntut** seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian VIII Jadual Pinjaman** dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya, **Lampiran Perjanjian Pinjaman Penuntut**, **Lampiran Jaminan** dan apa-apa Pekeliling Rasmi LEMBAGA yang dikeluarkan oleh LEMBAGA dari semasa ke semasa melalui apa-apa cara hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

Tandatangan
Penuntut

norlia

.....
T.T Penuntut

Tandatangan
Penjamin

ahmad

.....
TT Penjamin

JADUAL PINJAMAN		
BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
I	Nama PENUNTUT	Nama: NORLIA BINTI SALLEH No.K/P: 970122-07-5524
II	Alamat PENUNTUT	NO 41, LORONG ASAM JAWA 3 TAMAN SERAI WANGI 03110 BUTTERWORTH
III	Nama PENJAMIN	i) Nama : AHMAD BIN MANAN No. K/P: 700314-07-5323
IV	Alamat PENJAMIN	i) NO 41, LORONG ASAM JAWA 3 TAMAN SERAI WANGI 03110 BUTTERWORTH
V	Jumlah Pinjaman Yang Diluluskan	i) RM 20,000.00 ii) Tempoh pembiayaan: 72 BULAN iii) Kadar pembiayaan setahun: RM5,000.00 iv) Kadar Faedah : 1% daripada jumlah pinjaman bagi 6 tahun tempoh bayaran balik
VI	Nama dan No. Akaun Bank	(Hanya tertera bagi IPTA di bawah sahaja. a) Universiti Teknologi Mara (UiTM) b) Politeknik c) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) d) Kolej Polytech MARA e) Kolej Komuniti)
VII	Tempoh Pembayaran Balik Pinjaman	i) 72 bulan mulai 1 JANUARI 2019 hingga 31 DISEMBER 2024 ii) Lain-lain kos: RUJUK LAMPIRAN A
VIII	No. Surat Tawaran	-

Tandatangan Penuntut

norlia

TT Penuntut

Tandatangan Penjamin

ahmad

TT Penjamin

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami syarat-syarat dan terma-terma pinjaman yang dinyatakan di dalam **Perjanjian Pinjaman Penuntut** ini termasuk **Lampiran Perjanjian Pinjaman Penuntut** yang akan dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan pihak-pihak yang tersebut dalam perjanjian ini **BERSETUJU** menurunkan tandatangan dan meterai mereka di sini pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian I Jadual Pinjaman** untuk mematuhi segala syarat dan terma Perjanjian Pinjaman Penuntut ini.

Ditandatangani oleh PENUNTUT)

norlia
.....
(Tandatangan **PENUNTUT**)

Tandatangan
Penuntut

Nama PENUNTUT: **NORLIA BINTI SALLEH**

Disaksikan oleh:

Nama saksi :)
No. Kad Pengenalan :)
Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan :)

NASRIZAL BIN NGAH
840318-07-5111
Penghulu
Daerah Seberang Perai Utara
Pulau Pinang

nasrizal
.....
(Tandatangan Saksi **PENUNTUT**)

Tandatangan
Saksi

Ditandatangani bagi pihak LEMBAGA)

.....
(Tandatangan Pegawai **LEMBAGA**)

Nama Pegawai:
Meterai LEMBAGA

Disaksikan oleh:

Nama Saksi :)
No.Kad Pengenalan :)
Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan :)

.....
(Tandatangan Saksi **LEMBAGA**)

Tinggalkan Kosong
Untuk tindakan Unit Pinjaman Penuntut

NAMA : NORLIA BINTI SALLEH
 NO.KP : 970122-07-5524
 IPT : SEGI COLLEGE (PG) SDN BHD

LAMPIRAN A

JADUAL PINJAMAN		
BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
VII	Tempoh Pembayaran Balik Pinjaman	iii) Lain-lain kos: a) KOS GUAMAN <ul style="list-style-type: none"> Segala perbelanjaan sebenar berhubung dengan penyempurnaan dokumen-dokumen pembiayaan serta kos guaman untuk penguatkuasaan hak-hak lembaga. b) KOS NOTIS <ul style="list-style-type: none"> RM10.00 setiap notis yang telah disampaikan yang dianggap sempurna selepas tiga (3) hari ia diposkan. c) DENDA LEWAT <ul style="list-style-type: none"> Ansuran yang tidak dijelaskan selewat-lewatnya 30HB/31HB atau hari terakhir bulan ansuran tersebut akan dikenakan RM5.00 mulai setiap 1 HB Bulan berikutnya.

Tandatangan
Penuntut

norlia

 TT Penuntut

Tandatangan
Penjamin

ahmad

 TT Penjamin

NAMA : NORLIA BINTI SALLEH
NO.KP : 970122-07-5524
IPT : SEGI COLLEGE (PG) SDN BHD

LEMBAGA TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN PERJANJIAN PINJAMAN PENUNTUT

BAHAWASANYA LEMBAGA telah bersetuju untuk memberikan pinjaman, (kemudian daripada ini disebut "Pinjaman Tersebut") kepada PENUNTUT tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pinjaman Penuntut.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

1. PENUNTUT, dengan ini bersetuju:
 - (a) bahawa PENUNTUT, akan membayar balik semua Pinjaman Tersebut dan lain-lain kos (kemudian daripada ini disebut "Keseluruhan Pinjaman Tersebut") kepada LEMBAGA secara ansuran bulanan tidak lewat dari enam (6) bulan selepas tamat pengajian atau apa-apa tempoh yang diluluskan oleh LEMBAGA dan PENUNTUT bersetuju akan menanggung segala kerugian dan kos akibat kegagalan PENUNTUT membayar balik Pinjaman Tersebut;
 - (b) bahawa penentuan tarikh sebenar tamat tempoh pembayaran pinjaman dalam Perjanjian Pinjaman Penuntut adalah ditentukan oleh LEMBAGA atas budi bicara mutlaknyanya;
 - (c) bahawa PENUNTUT, akan menumpukan sepenuh perhatian kepada kursus pengajian yang diikuti dengan menghadiri kuliah, tutorial, latihan amali dan sebagainya serta memasuki semua ujian atau peperiksaan yang disyaratkan dalam kursus pengajiannya di universiti, kolej atau institusi yang diluluskan oleh LEMBAGA dan dalam jangka masa yang ditetapkan bagi mendapatkan satu sijil, diploma, ijazah, sarjana atau PhD sebagaimana yang ditetapkan dalam surat tawaran atau selama tempoh yang dibenarkan oleh LEMBAGA;
 - (d) bahawa PENUNTUT, semasa dalam tempoh kursus pengajian itu, akan mematuhi apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dalam universiti, kolej atau institusi tersebut;

Tandatangan
Penuntut

norlia

.....
TT Penuntut

Tandatangan
Penjamin

ahmad

.....
TT Penjamin

- (e) bahawa PENUNTUT, akan melaporkan dalam tempoh tiga puluh hari kepada LEMBAGA keputusan peperiksaan penggal, semester, tahunan atau akhir yang diduduki oleh PENUNTUT sebaik sahaja keputusan peperiksaan diisytiharkan oleh universiti, kolej atau institusi tersebut;
- (f) bahawa PENUNTUT tidak boleh melanjutkan tempoh atau menangguhkan pengajian tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada LEMBAGA;
- (g) bahawa PENUNTUT, semasa dalam tempoh kursus pengajian itu tidak akan menjadi ahli atau mengambil bahagian di dalam parti politik, kesatuan sekerja, pertubuhan badan atau kumpulan sama ada di dalam atau di luar institusi, yang tidak selaras dengan kepentingan PENUNTUT atau kepentingan Malaysia kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak yang diberi kuasa meluluskannya di setiap institusi tersebut;
- (h) bahawa PENUNTUT, bertanggungjawab sepenuhnya membayar daripada Pinjaman Tersebut segala yuran pengajian dan apa-apa kos lain yang dikenakan oleh universiti, kolej atau institusi di mana PENUNTUT mengikuti kursus pengajian tersebut;
- (i) bahawa PENUNTUT, akan melaporkan diri kepada pihak LEMBAGA dalam tempoh tiga hari setelah menamatkan pengajiannya sama ada dengan jaya atau tidak, atau telah ditamatkan pengajiannya dengan apa jua sebab;
- (j) bahawa segala maklumat berkaitan dengan Perjanjian Pinjaman Penuntut boleh diberikan oleh LEMBAGA kepada mana-mana biro pinjaman atau agensi yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana biro lain yang diluluskan oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan di Malaysia dan pihak-pihak ketiga lain yang berkemungkinan berurusan dengan PENUNTUT dan, pihak LEMBAGA tidak akan menanggung apa-apa liabiliti jika berlaku sebarang kerugian atau kehilangan sama ada secara langsung atau tidak langsung. LEMBAGA juga berhak pada bila-bila masa untuk meminta pihak-pihak di atas menahan apa-apa kemudahan yang dipohon oleh PENUNTUT; dan
- (k) membenarkan LEMBAGA menyiarkan maklumat dan gambar PENUNTUT yang gagal menjelaskan Keseluruhan Pinjaman Tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh LEMBAGA di dalam mana-mana siaran media sebaran am termasuk akhbar, televisyen dan radio. LEMBAGA tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, secara langsung atau tidak langsung, yang diakibatkan oleh pendedahan berkenaan, sama ada kepada LEMBAGA atau mana-mana pihak lain.

Tandatangan
Penuntut

norlia

TT Penuntut

Tandatangan
Penjamin

ahmad

TT Penjamin

2. Pinjaman Tersebut akan dibayar secara berperingkat mengikut kaedah pengajian yang dijalani oleh PENUNTUT (penggal atau semester) yang dikira secara pro-rata. Jika PENUNTUT digantung pada mana-mana penggal atau semester, atau memperoleh keputusan peperiksaan bagi semester tersebut kurang daripada tahap yang ditetapkan oleh LEMBAGA dari semasa ke semasa, maka LEMBAGA berhak menggantung pembayaran Pinjaman Tersebut bagi tempoh penggantungan itu. Pembayaran Pinjaman Tersebut boleh atas budi bicara mutlak LEMBAGA disambung semula apabila PENUNTUT menyambung semula pengajian atau mendapat keputusan peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh LEMBAGA. Walau apa pun yang tersebut di atas, LEMBAGA boleh menurut budi bicara mutlaknya untuk menentukan kaedah pembayaran yang sesuai bagi PENUNTUT. LEMBAGA juga berhak untuk menamatkan Perjanjian Pinjaman Penuntut sekiranya PENUNTUT menamatkan pengajiannya lebih awal daripada tempoh Pembayaran Pinjaman Tersebut.

3. Sekiranya PENUNTUT perlu untuk menukarkan nombor akaun dan bank kepada yang baru, PENUNTUT hendaklah memaklumkan nombor akaun dan bank yang baru itu secara bertulis kepada LEMBAGA secepat mungkin dan surat berkenaan hendaklah dibaca bersama-sama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Pinjaman Penuntut.

4. Sekiranya Pinjaman Tersebut dibayar oleh LEMBAGA dengan cara bayaran terus kepada universiti, kolej atau institusi berkenaan, potongan bagi bayaran yuran pengajian akan dibuat oleh universiti, kolej atau institusi mengikut amalan/peraturan universiti, kolej atau institusi berkenaan. PENUNTUT adalah dikehendaki membuka akaun bank dan memaklumkan kepada universiti, kolej atau institusi nombor akaun masing-masing.

5. Untuk melindungi kepentingan LEMBAGA akibat kematian atau apa-apa kecacatan kekal yang dialami oleh PENUNTUT di sepanjang tempoh pembayaran Pinjaman Tersebut dan tempoh bayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut, LEMBAGA adalah berhak mengikut budi bicara mutlaknya mengambil dan memenuhi apa-apa prosedur bagi mengambil termasuk memberikan akad bagi pihak PENUNTUT perlindungan insurans ke atas Pinjaman Tersebut daripada penawar pakej insurans yang diluluskan oleh LEMBAGA dan PENUNTUT adalah dikehendaki menanggung semua kos termasuk sumbangan bagi perlindungan insurans tersebut. PENUNTUT adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk membenarkan LEMBAGA memotong terus kos perlindungan insurans ini daripada Pinjaman Tersebut yang dibayar oleh LEMBAGA kepada PENUNTUT atau mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan oleh LEMBAGA. Walau apa pun peruntukan di atas, LEMBAGA atas budi bicara mutlaknya berhak untuk menuntut daripada PENUNTUT, waris-waris, wasi-wasi penerima-penerima serah hak PENUNTUT, apa-apa jumlah yang masih terhutang kepada LEMBAGA yang tidak dilindungi oleh insurans.

Tandatangan
Penuntut

norlia

TT Penuntut

Tandatangan
Penjamin

ahmad

TT Penjamin

6. Mana-mana ejen yang dilantik oleh LEMBAGA menjadi ejen pemungut untuk dan bagi pihak LEMBAGA untuk mendapatkan pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang kena dibayar balik oleh PENUNTUT kepada LEMBAGA adalah berkuasa memaklumkan secara bertulis kepada seseorang majikan yang mengambil PENUNTUT bekerja untuk memotong daripada gaji PENUNTUT apa-apa jumlah wang yang merupakan amaun bayaran balik bulanan yang dikehendaki daripada PENUNTUT bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pinjaman Tersebut dan kemudiannya diremitkan kepada mana-mana ejen yang dilantik. Bagi PENUNTUT yang bekerja sendiri PENUNTUT hendaklah membuat pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut terus kepada mana-mana ejen yang dilantik mengikut amaun bayaran balik bulanan Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Pinjaman Penuntut atau di dalam notis bayaran balik yang dihantar kepada PENUNTUT.

7. Tiada apa-apa yang terkandung dalam Fasal 6 boleh menjejaskan hak dan kuasa LEMBAGA untuk menuntut bayaran balik keseluruhan Pinjaman Tersebut terus daripada PENUNTUT.

8. Bagi PENUNTUT yang gagal membuat pembayaran balik keseluruhan Pinjaman Tersebut menurut Perjanjian Pinjaman Penuntut, LEMBAGA boleh memberi notis kepada PENUNTUT supaya membayar balik baki Keseluruhan Pinjaman Tersebut termasuk ansuran bulanan yang tertunggak sekaligus dalam satu bayaran dan sebagai tambahan boleh mengenakan lain-lain kos ke atas jumlah ansuran bulanan yang tertunggak itu bagi tempoh yang mana ansuran itu tertunggak.

9. PENUNTUT adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada LEMBAGA alamat terkini tempat tinggalnya dan alamat terkini tempat bekerjanya dengan serta merta kepada LEMBAGA dari semasa ke semasa.

10. PENUNTUT bertanggungjawab memberitahu LEMBAGA secara bertulis berkenaan pemberian apa-apa biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau lain-lain bentuk kewangan yang diberikan kepadanya semasa berjalannya kursus pengajian yang baginya Pinjaman Tersebut di bawah Perjanjian Pinjaman Penuntut telah diberikan selepas sahaja pemberian biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau lain-lain bentuk kewangan atau selainnya yang diberikan oleh mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau lain-lain badan yang pemberian biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau lain-lain bentuk bantuan kewangan yang pengeluaran wang tersebut diluluskan oleh Kerajaan untuk tidak dikenakan cukai pendapatan. Apabila LEMBAGA menerima notis itu daripada PENUNTUT, LEMBAGA adalah berhak untuk menarik balik atau berhenti memberi apa-apa jumlah selanjutnya berkenaan dengan Pinjaman Tersebut dan minta PENUNTUT membayar balik apa-apa jumlah Pinjaman Tersebut yang dibayar kepadanya dengan serta merta termasuk lain-lain kos. Kegagalan PENUNTUT untuk memberitahu sedemikian hendaklah disifatkan sebagai suatu pelanggaran terhadap Perjanjian Pinjaman Penuntut tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PENUNTUT.

Tandatangan
Penuntut

norlia

TT Penuntut

Tandatangan
Penjamin

ahmad

TT Penjamin

Jika Perjanjian ditamatkan di bawah Fasal ini, PENUNTUT hendaklah bertanggungjawab membayar balik jumlah Pinjaman Tersebut yang dibayar kepada PENUNTUT dengan serta merta termasuk lain-lain kos.

11. Tanpa menjejaskan Fasal 10 Lampiran ini, LEMBAGA boleh atas budi bicara mutlakanya meminta PENUNTUT menjelaskan apa-apa jumlah Pinjaman Tersebut yang dibayar kepadanya dan lain-lain kos sama ada melalui ansuran bulanan atau pemotongan sejumlah amaun yang dipersetujui daripada penaja PENUNTUT yang baru sama ada agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau lain-lain badan yang dinyatakan di bawah Fasal 10 Lampiran ini.

12. Jika PENUNTUT melakukan pelanggaran terhadap mana-mana Fasal dalam Lampiran Perjanjian Pinjaman Penuntut, LEMBAGA boleh, menurut budi bicara mutlakanya, menamatkan Perjanjian Pinjaman Penuntut dan dengan itu tanpa menyentuh hak-hak LEMBAGA termasuk untuk menuntut bayaran balik ke atas Keseluruhan Pinjaman Tersebut daripada PENUNTUT di bawah Perjanjian Pinjaman Penuntut dan PENUNTUT tidaklah lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa faedah Perjanjian Pinjaman Penuntut.

13. Walau apa pun yang tersebut di atas, adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa jika PENUNTUT:

- (a) meninggalkan kursus pengajian sebelum tamatnya kursus itu sama ada secara sukarela, atau disebabkan kegagalan;
- (b) melanggar apa-apa peraturan universiti, kolej atau institusi yang ditetapkan ke atas PENUNTUT;
- (c) menukarkan kursus pengajian, tanpa persetujuan bertulis LEMBAGA;
- (d) digantung daripada kursus pengajian atau dibuang dari universiti, kolej atau institusi di mana kursus pengajian itu atau mana-mana bahagiannya dijalankan atas apa-apa sebab;
- (e) diisytihar bankrap oleh Mahkamah; atau
- (f) telah melakukan apa-apa pelanggaran yang menyebabkan Perjanjian Pinjaman Penuntut ditamatkan,

LEMBAGA berhak menamatkan Perjanjian Pinjaman Penuntut tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PENUNTUT.

14. Walau apa pun yang tersebut di atas, LEMBAGA boleh menurut budi bicara mutlakanya tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis secara bertulis kepada PENUNTUT menamatkan Perjanjian Pinjaman Penuntut pada bila-bila masa, jika LEMBAGA mendapati PENUNTUT memberi maklumat palsu dalam apa-apa borang yang dikemukakan bagi maksud mendapatkan Pinjaman Tersebut dan dengan ini segala faedah bagi tanggungan PENUNTUT di bawah Perjanjian Pinjaman Penuntut adalah terhenti tanpa menjejaskan hak LEMBAGA untuk mendapatkan kembali apa-apa pinjaman yang telah dibayar oleh LEMBAGA kepada PENUNTUT di bawah Perjanjian Pinjaman Penuntut.

Tandatangan
Penuntut

norlia

TT Penuntut

Tandatangan
Penjamin

ahmad

TT Penjamin

15. Tanpa menjejaskan Fasal 6 Lampiran ini, jika LEMBAGA menyediakan satu skim pembayaran balik berkenaan wang yang kena bayar oleh PENUNTUT ke atas Keseluruhan Pinjaman Tersebut kepada LEMBAGA selain daripada yang ditetapkan di bawah Fasal 6, PENUNTUT adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk membenarkan LEMBAGA membuat perkiraan dengan sesiapa jua majikan PENUNTUT kemudian nanti supaya pendapatannya dipotong dengan sewajarnya bagi pihak LEMBAGA. LEMBAGA adalah berhak pada bila-bila masa untuk mengubah cara dan/atau masa bagi pembayaran balik itu dan minta pembayaran balik dengan serta-merta bagi Keseluruhan Pinjaman Tersebut atau sebanyak mana yang masih belum dibayar menurut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberi apa-apa sebab baginya. LEMBAGA juga berhak pada bila-bila masa untuk meminta mana-mana Agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Pertubuhan Keselamatan Sosial membayar daripada saguhati persaraan atau caruman PENUNTUT bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pinjaman Tersebut.

16. PENUNTUT dengan ini memberi pengakuan akan membayar balik kepada LEMBAGA apabila dituntut semua kos dan perbelanjaan untuk menuntut, menyaman atau mendapatkan balik apa-apa wang terhutang oleh PENUNTUT kepada LEMBAGA atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian Pinjaman Penuntut.

17. PENUNTUT dengan ini memberi kebenaran kepada LEMBAGA untuk menghubungi bank PENUNTUT, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial atau mana-mana agensi untuk mendapatkan maklumat-maklumat peribadi PENUNTUT apabila diperlukan bagi tujuan menguatkuasakan Perjanjian Pinjaman Penuntut.

18. Duti setem yang kena dibayar kepada Perjanjian Pinjaman Penuntut hendaklah ditanggung dan dibayar oleh PENUNTUT.

19. Sebarang kelonggaran, penangguhan tindakan, kelewatan, atau sikap membiarkan oleh LEMBAGA atau wakil yang dilantik oleh LEMBAGA berkenaan dengan melaksanakan mana-mana syarat dan terma Perjanjian Pinjaman Penuntut ataupun pemberian masa oleh LEMBAGA kepada PENUNTUT, tidak akan dengan apa cara sekalipun memudaratkan, memberi kesan atau mengurangkan hak-hak dan kuasa LEMBAGA di bawah Perjanjian Pinjaman Penuntut, begitu juga sebarang penepian oleh LEMBAGA akan pelanggaran oleh PENUNTUT tidak akan bertindak sebagai penepian terhadap pelanggaran yang berikutnya.

20. Walau apa pun yang tersebut di atas sekiranya apa-apa peruntukan di dalam Perjanjian Pinjaman Penuntut adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam apa-apa hal sekalipun di bawah apa jua undang-undang, keesahan dari segi undang-undang atau kebolehan untuk dikuatkuasakan peruntukan-peruntukan yang lain tidak akan dalam apa cara sekalipun dijejaskan atau dilemahkan olehnya.

Tandatangan
Penuntut

nurlia

TT Penuntut

Tandatangan
Penjamin

ahmad

TT Penjamin

21. LEMBAGA adalah dibebaskan dan tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan Perjanjian Pinjaman Penuntut jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan darurat seperti rusuhan dan kekecohan awam, mogok, kebakaran, taufan, peperangan, bahaya laut atau bahaya yang di luar kawalan LEMBAGA yang menyebabkan pelaksanaan Perjanjian Pinjaman Penuntut menjadi mustahil.

22. Sebarang notis yang hendak diberi oleh LEMBAGA mengenai pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut kepada PENUNTUT termasuk Saman, Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan akan menjadi penyampaian yang cukup kepada PENUNTUT jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos atau pos berdaftar atau ditinggalkan di alamat seperti yang tersebut dalam Perjanjian Pinjaman Penuntut dan jika dihantar melalui pos hendaklah disifatkan sebagai diterima oleh PENUNTUT selepas empat puluh lapan (48) jam notis tersebut diposkan. Jika berlaku pertukaran alamat, PENUNTUT hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada LEMBAGA dengan serta-merta.

23. Sebarang notis yang hendak diberikan oleh PENUNTUT kepada LEMBAGA hendaklah secara bertulis dan menjadi penyampaian yang cukup kepada LEMBAGA jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos berdaftar kepada LEMBAGA di alamat seperti yang tersebut dalam Surat Tawaran yang dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pinjaman Penuntut. Jika berlaku pertukaran alamat, LEMBAGA akan memaklumkan perkara tersebut kepada PENUNTUT.

24. Walau apa pun yang tersebut di atas, LEMBAGA berhak pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlakanya meminda atau menambah terma-terma atau syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pinjaman Penuntut.

25. Seseorang PENUNTUT yang ingin meninggalkan Malaysia dan masih dalam tempoh bayaran balik Pinjaman Tersebut adalah bertanggungjawab memberi notis (3) bulan kepada LEMBAGA. LEMBAGA boleh mengikut budi bicara mutlakanya meminta PENUNTUT untuk membuat bayaran sekaligus Keseluruhan Pinjaman Tersebut sebelum PENUNTUT meninggalkan Malaysia.

26. Perjanjian Pinjaman Penuntut ini adalah dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah Undang-Undang Malaysia dan bagi semua tujuan akan tertakluk kepada tafsir menurut Undang-Undang Malaysia dan PENUNTUT adalah dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Pulau Pinang atau mana-mana Mahkamah sebagaimana yang ditentukan oleh LEMBAGA dan PENUNTUT adalah dengan ini mengenyepikan sebarang bantahan terhadap apa-apa tindakan undang-undang yang berbangkit atau yang berkenaan dengan Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang dibawa di dalam Mahkamah di Pulau Pinang atau mana-mana Mahkamah di bawah Undang-Undang sama ada atas alasan lokasi atau forum yang menyusahkan.

Tandatangan
Penuntut

norlia

TT Penuntut

Tandatangan
Penjamin

ahmad

TT Penjamin

27. Walau apa pun yang tersebut di atas, LEMBAGA boleh menurut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis secara bertulis kepada PENUNTUT menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana pinjaman PENUNTUT dengan LEMBAGA dan LEMBAGA boleh menolak atau memindahkan apa-apa jumlah pinjaman dan lain-lain kos bagi mana-mana pinjaman PENUNTUT dengan LEMBAGA mengikut apa-apa terma dan syarat yang disifatkan oleh LEMBAGA patut dikenakan.

28. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa walau apa pun yang berlawanan yang terkandung di atas, LEMBAGA adalah berhak menurut budi bicara mutlaknyanya menarik balik kemudahan Pinjaman Tersebut sekiranya pada pendapat LEMBAGA munasabah dan PENUNTUT adalah bertanggungjawab menjelaskan sekaligus baki Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang masih ada tarikh notis dikeluarkan oleh LEMBAGA.

29. PENUNTUT adalah dengan ini bersetuju bahawa perakuan bertulis yang dikeluarkan oleh LEMBAGA dan telah diperakui sah oleh Pengerusi atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa memperakunya hendaklah tanpa sebarang kesilapan yang nyata menjadi bukti yang konklusif mengenai amaun Pinjaman Penuntut yang belum dijelaskan dan kena bayar oleh PENUNTUT kepada LEMBAGA bagi tujuan bayaran balik Pinjaman Penuntut tersebut.

30. Perjanjian ini hendaklah mengikat waris-waris, wasi-wasi penerima serahak PENUNTUT.

31. Masa adalah menjadi perkara terpenting di dalam Perjanjian Pinjaman Penuntut.

RUANGAN INI HENDAKLAH DIBIARKAN KOSONG

**Tandatangan
Penuntut**

norlia

.....
TT Penuntut

**Tandatangan
Penjamin**

ahmad

.....
TT Penjamin

SALINAN PENUNTUT

LEMBAGA TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN JAMINAN

(Jaminan ini hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Pinjaman Penuntut)

Sebagai balasan bagi jumlah pinjaman yang diluluskan seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual I : Maklumat Peminjam dan Pinjaman** (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pinjaman Tersebut" yang telah dipersetujui oleh Lembaga Tabung Amanah Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang (kemudian daripada ini disebut "LEMBAGA") untuk dipinjamkan kepada Penuntut seperti yang dinyatakan di dalam jadual yang sama (kemudian daripada ini disebut "PENUNTUT") dengan syarat Jaminan ini disempurnakan oleh PENJAMIN yang mana butiran peribadi mereka dinyatakan di **Jadual II : Maklumat Penjamin**. PENJAMIN bersetuju untuk menjamin pelaksanaan oleh PENUNTUT terhadap kewajipan dan tanggungjawab di bawah Perjanjian Pinjaman Penuntut (kemudian daripada ini disebut sebagai "Perjanjian Tersebut") dan selanjutnya telah bersetuju untuk melepaskan tanggungan LEMBAGA terhadap apa-apa kerugian yang akan dialami oleh PENUNTUT akibat daripada kemungkiran oleh PENUNTUT terhadap Perjanjian Tersebut atau mana-mana bahagiannya.

2. PENJAMIN menjamin bayaran balik akan dilaksanakan dengan baik oleh PENUNTUT dan bersetuju mengganti rugi LEMBAGA di atas sebarang kerugian yang dialami kerana pelanggaran atau tidak ditunaikan oleh PENUNTUT atas syarat-syarat Perjanjian Tersebut dan diakui bahawa LEMBAGA berhak untuk membuat sesuatu tuntutan terhadap atau mendakwa PENJAMIN.

3. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa jika pada bila-bila masa dalam masa kuat kuasanya Perjanjian Tersebut PENJAMIN itu meninggal dunia atau tidak lagi bermaustatin dalam Malaysia atau berada di luar Malaysia selama lebih daripada dua belas (12) bulan berturut-turut atau dihukum menjadi seorang bankrap atau memperoleh suatu perintah pentadbiran penahanan gaji, maka dalam tiap-tiap hal yang sedemikian itu, PENUNTUT hendaklah mendapatkan seorang penjamin baru untuk menggantikan PENJAMIN itu mengikut had-had dan syarat-syarat PERJANJIAN dan Jaminan ini. Walau apa pun peruntukan yang dinyatakan di sini, LEMBAGA adalah berhak untuk menggunakan budi bicaranya dalam menentukan perihal berkenaan PENJAMIN dari semasa ke semasa.

4. Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa jika PENUNTUT:
- (a) meninggalkan kursus pengajian sebelum tamatnya kursus itu, sama ada secara sukarela atau disebabkan kegagalan;
 - (b) melanggar apa-apa peraturan universiti, kolej atau institusi yang ditetapkan ke atas PENUNTUT;
 - (c) menukarkan kursus pengajian tanpa persetujuan bertulis LEMBAGA;
 - (d) digantung daripada kursus pengajian atau dibuang dari universiti, kolej atau institusi di mana kursus pengajian itu atau mana-mana bahagiannya dijalankan atas apa-apa sebab;
 - (e) diisytiharkan bankrap oleh Mahkamah; atau
 - (f) telah melakukan apa-apa pelanggaran yang menyebabkan Perjanjian Pinjaman ditamatkan,

maka dalam mana-mana hal yang demikian itu, LEMBAGA adalah berhak untuk menamatkan Perjanjian Pinjaman Penuntut tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PENUNTUT dan PENJAMIN dan dengan ini, segala faedah bagi dan tanggungan PENUNTUT di bawah Perjanjian Tersebut adalah terhenti tanpa menjejaskan hak LEMBAGA untuk mendapatkan kembali daripada PENUNTUT dan PENJAMIN Keseluruhan Pinjaman Tersebut.

5. PENJAMIN, dengan ini bersetuju membenarkan LEMBAGA menyiarkan maklumat dan gambar PENJAMIN sekiranya PENUNTUT gagal menjelaskan Keseluruhan Pinjaman Tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh LEMBAGA di dalam mana-mana siaran media sebaran am termasuk akhbar, televisyen dan radio. LEMBAGA tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, secara langsung atau tidak langsung, yang diakibatkan oleh pendedahan berkenaan, sama ada kepada LEMBAGA atau mana-mana pihak lain.

5. Jaminan ini hendaklah mengikat waris-waris, wasi-wasi penerima-penerima serahak PENJAMIN.

RUANGAN INI HENDAKLAH DIBIARKAN KOSONG



**Lekatkan Gambar
Peminjam
Berukuran Pasport**

JADUAL I : MAKLUMAT PEMINJAM & PINJAMAN

Nama Penuntut : **NORLIA BINTI SALLEH**
Nombor Kad Pengenalan : **970122-07-5524**
Alamat Surat Menyurat : **NO 41, LORONG ASAM JAWA 3
TAMAN SERAI WANGI
BUTTERWORTH**
Poskod : **03100** Daerah : **SEBERANG PERAI UTARA**
Email : **norlia@gmail.com**
No. Telefon : **04-3332122(R)** **011-4221222 (H/P)**
Pekerjaan & Alamat : **PELAJAR**

Nama Waris/Penjaga : **SALLEH BIN RAJAB**
(Jika Masih Dibawah Tanggungan)
Universiti / Institusi : **SEGI COLLEGE (PG) SDN BHD**
Taraf Kursus : **IJAZAH PERTAMA** Aliran : **SASTERA**
Kursus/Program : **PSIKOLOGI DAN KOMUNIKASI**
Pinjaman Yang Diluluskan : **RM 20,000.00**
Tempoh Pembiayaan Pinjaman : **72 Bulan**
Kadar Pembiayaan Setahun : **RM 5,000.00**
Sesi Mula Pinjaman : **2014 / 2015**
Sesi Tamat Pinjaman : **2017 / 2018**



Lekatkan Gambar Penjamin Berukuran Pasport

JADUAL II : MAKLUMAT PENJAMIN

PENJAMIN

Nama : **AHMAD BIN MANAN**

No Kad Pengenalan : **700314-07-5323**

Alamat : **NO 41, LORONG ASAM JAWA 3
TAMAN SERAI WANGI
BUTTERWORTH**

Poskod : **32100** Daerah : **SEBERANG PERAI UTARA**

Email : -

No. Telefon : **04-322222** (R) **011-4551111** (H/P)

Pekerjaan : **JURUJUAL** Gaji (RM) : **RM1300.00**

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami syarat-syarat dan terma-terma yang dinyatakan dalam Jaminan ini.

ahmad

Tandatangan Penjamin

Ditandatangani oleh **PENJAMIN**)
(Tandatangan PENJAMIN)

Nama PENJAMIN PERTAMA : **ADNAN BIN MANAN**

Nama dan No. KP Saksi

Disaksikan oleh :

Nama Saksi :)

**NASRIZAL BIN NGAH
840318-07-5111**

No.K/P :)

Tandatangan Saksi

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan :)

nasrizal

(Tandatangan Saksi PENJAMIN)
**Daerah Seberang Perai Utara
Pulau Pinang**

Cop Rasmi Saksi

SALINAN PENUNTUT

AKUAN PENJAMIN

NAMA PENUNTUT : **NORLIA BINTI SALLEH**
NOMBOR KAD PENGENALAN : **970122-07-5524**
KURSUS / PROGRAM : **IJAZAH PERTAMA PSIKOLOGI DAN KOMUNIKASI**
UNIVERSITI / INSTITUSI : **SEGI COLLEGE (PG) SDN BHD**
NOMBOR SURAT TAWARAN : **-**
TARIKH SURAT TAWARAN : **13.5.2013**

Saya sebagai Penjamin kepada PENUNTUT seperti mana di atas telah membaca dan memahami segala syarat dan terma pinjaman seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pinjaman, Perjanjian Pinjaman Penuntut dan Jaminan ("dokumen tersebut").

Saya juga bersetuju bahawa LEMBAGA hanya akan mengemukakan salinan dokumen tersebut kepada saya setelah menerima permohonan secara rasmi daripada saya.

**Tandatangan
Penjamin**

ahmad

Ditandatangani oleh **PENJAMIN**)
(Tandatangan **PENJAMIN**)

Nama PENJAMIN PERTAMA : **AHMAD BIN MANAN**
No. Kad Pengenalan : **700314-07-5323**

SURAT AKUAN MENGEMUKAKAN SLIP PEPERIKSAAN

NAMA PEMINJAM : **NORLIA BINTI SALLEH**
NO. KAD PENGENALAN : **970122-07-5524**
ALAMAT : **NO 41, LORONG ASAM JAWA 3
TAMAN SERAI WANGI
03100 BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA**
TARIKH : **13.5.2013**
KEPADA : **LEMBAGA TABUNG AMANAH PINJAMAN
PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG**

Tuan,

AKUAN MENGEMUKAKAN SLIP PEPERIKSAAN

Saya seperti nama di atas, berjanji akan melaporkan dalam tempoh tiga puluh hari kepada LEMBAGA keputusan peperiksaan penggal, semester, tahunan atau akhir yang diduduki oleh PENUNTUT sebaik sahaja keputusan peperiksaan diisytiharkan oleh universiti, kolej atau institusi dan memperoleh **sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.30**.

2. Sekiranya saya memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dibawah 2.30 bagi 2 semester berturut-turut dan atau gagal mengemukakan slip peperiksaan kepada LEMBAGA, saya bersetuju menerima apa-apa tindakan yang ditetapkan oleh pihak LEMBAGA.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

norlia

.....
(**NORLIA BINTI SALLEH**)